

# Takaful 3asycare

Setiap tahun semakin ramai rakyat Malaysia didiagnosis dengan penyakit kritikal. Ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja di mana-mana peringkat kehidupan mereka – peristiwa yang tidak diingini akan meninggalkan impak emosi dan kewangan yang tidak menyenangkan kepada anda dan yang tersayang.

Pelan Takaful 3asyCare akan meringankan beban kewangan anda apabila anda memerlukannya. Dapatkan perlindungan segera untuk 3 penyakit kritikal yang paling kerap didiagnosis di Malaysia. Ini bukan sekadar jaring keselamatan. Ini adalah sumber harapan bagi mereka yang paling penting dalam kehidupan anda.

## Manfaat

### Perlindungan Penting Asas

- Pelan kami memberi perlindungan untuk 3 jenis Penyakit Kritikal yang paling kerap didiagnosis – Serangan Jantung, Strok dan Kanser.

### Perlindungan Sehingga Umur 80 Tahun

- Memberi perlindungan sehingga umur 80 tahun dengan Jumlah Asas Perlindungan setinggi RM 100,000.

### Sokongan Kewangan Tambahan

- Nikmati pembayaran tambahan dengan tuntutan Manfaat Penjagaan Khas<sup>1</sup> yang bersamaan dengan 10% Jumlah Asas Perlindungan.

### Cepat & Mudah

- Permohonan mudah tanpa memerlukan pemeriksaan perubatan atau soal selidik yang panjang.

### Caruman Berpatutan

- Direka mengikut kemampuan anda. Dapatkan perlindungan serendah RM0.50 sehari.

<sup>1</sup>Manfaat Penjagaan Khas hanya untuk bukan perokok sahaja.

## FAKTA YANG DITEMUI

3 jenis penyakit kritikal yang paling biasa di Malaysia adalah sakit jantung, strok dan kanser.  
*(The Star, 2014)*

Kadar ulangan dalam masa 5 tahun selepas serangan jantung, strok atau kemasukan hospital kali pertama adalah hampir 30%.  
*(The Star, 2014)*

Di Malaysia, kadar inflasi rawatan perubatan adalah antara 10% hingga 15% setahun.  
*(The Star, 2016)*

## Pelan yang Ditawarkan dan Jadual Manfaat

Anda boleh pilih salah satu daripada pelan berikut untuk memenuhi keperluan anda.

	Silver	Gold
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur 80 tahun	
Umur Penyertaan (tarikh lahir yang sebelum)	Minimum 18 tahun Maksimum 50 tahun	
Perlindungan Penyakit Kritikal	<ul style="list-style-type: none"><li>• Serangan jantung</li><li>• Strok</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Serangan Jantung</li><li>• Strok</li><li>• Kanser</li></ul>
Jumlah Asas Perlindungan	Opsyen 1: RM 50,000 Opsyen 2: RM 100,000	
Manfaat Penjagaan Khas <sup>1</sup>	10% daripada Jumlah Asas Perlindungan	

Jika Orang Yang Dilindungi menghidapi mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi, 100% Jumlah Asas Perlindungan akan dibayar ke atas Manfaat Penjagaan Khas<sup>1</sup> (10% daripada Jumlah Asas Perlindungan).

Nota:

<sup>1</sup>Manfaat Penjagaan Khas untuk bukan perokok sahaja.

## Pengecualian

Sijil ini tidak melindungi:-

- a) Penyakit Kritikal selain penyakit yang dihadapi pada pertama kali;
- b) Penyakit Sedia Ada;
- c) Strok / Angin Ahmar di mana pertama kali tanda-tanda dan gejala-gejala timbul dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Permulaan Sijil;
- d) Kanser (hanya untuk pelan Gold) dan Serangan Jantung di mana pertama kali tanda-tanda dan gejala-gejala timbul dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Permulaan Sijil;
- e) Apa-apa penyakit yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya disebabkan oleh kecederaan diri semasa waras atau tidak waras, penyalahgunaan alkohol secara sengaja dan / atau pengambilan dadah selain seperti yang diarahkan oleh Pengamal Perubatan barat yang berdaftar;
- f) Kematian yang berlaku dalam tempoh empat belas (14) hari daripada diagnosis dan pengesahan Penyakit Kritikal.

*Nota: Senarai pengecualian ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Dokumen Sijil untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.*

## Nota Penting

- Zurich Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat Syariah dan Kawal Selia.
- Ini merupakan produk Takaful dan direka mengikut prinsip-prinsip Syariah.
- Helaian fakta ini adalah bagi tujuan gambaran sahaja. Untuk maklumat lanjut tentang terma dan syarat, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Dokumen Sijil.
- Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini boleh memenuhi keperluan anda dan caruman yang dibuat untuk Sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Sekiranya Sijil ini dibatalkan semasa tempoh percubaan percuma selama lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Dokumen Sijil anda, Zurich Takaful Malaysia Berhad akan memulangkan caruman penuh yang dibuat.
- Takaful 3asyCare tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) apabila Dokumen Sijil ditamatkan atau habis tempoh.
- Caruman bagi Sijil ini adalah tidak dijamin dan akan berdasarkan syarat yang tertakluk semasa pembaharuan. Caruman akan dikira berdasarkan Umur Orang Yang Dilindungi yang dicapai pada ulang tahun Sijil. Kami mempunyai hak untuk menukar caruman anda dengan memberi notis terdahulu selama tiga puluh (30) hari.
- Helaian fakta ini hanya menyediakan maklumat ringkas tentang Takaful 3asyCare. Maklumat yang terkandung pada helaian fakta ini mungkin diubah tanpa notis awal.

- Versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau kekaburan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia.

Untuk maklumat lanjut dan bantuan tentang **Takaful 3asyCare**, sila hubungi **Pusat Panggilan Zurich** di **1-300-888-622** atau e-mel kami di [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)



Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### **Butiran Syarikat**

Zurich Takaful Malaysia Berhad  
No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)  
Tingkat 23A, Mercu 3  
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888  
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)